

05 NOV 1997

Mahathir-Mata wang (dengan gambar)

ISU MATA WANG ADALAH MASALAH GLOBAL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata isu mengenai krisis mata wang bukan membabitkan Malaysia sahaja tetapi juga negara-negara membangun terutama kumpulan 15 (G15).

Perdana Menteri berkata negara anggota G15 begitu bimbang mengenai masalah itu sehingga Malaysia tidak perlu sangat memberi penekanan mengenai perkara tersebut semasa sidang kemuncak itu.

"Saya tidak memberi penekanan sangat kerana saya tidak mahu orang ramai menganggap saya menggunakan sidang kemuncak ini untuk membangkitkan masalah Malaysia," katanya sebelum meninggalkan hotel Palace of the Golden Horses, tempat berlangsungnya persidangan tiga hari itu.

Dr Mahathir berkata ketua-ketua negara dan kerajaan G15, terutama Presiden Hosni Mubarak dari Mesir dan beberapa pemimpin lain, juga melahirkan kebimbangan mengenai kemungkinan negara lain diserang (krisis mata wang).

Sambil melahirkan rasa puas hati terhadap sokongan para pemimpin G15 berhubung isu itu, Dr Mahathir berkata beliau percaya kumpulan itu akan menjadi semakin kukuh kerana mereka menunjukkan pendirian yang sama bukan hanya berhubung isu mata wang tetapi juga mengenai isu-isu lain yang boleh menjejaskan negara masing-masing.

Dr Mahathir berkata para pemimpin itu mahu mengadakan mesyuarat berikut pada Februari tetapi ia tidak mungkin, sebaliknya mengatur untuk menganjurkannya pada Mei tahun depan.

Beliau berkata Mubarak menawarkan diri menjadi tuan rumah sidang kemuncak G15 dalam tempoh enam bulan kerana beliau berpendapat adalah penting mereka mengadakannya secepat mungkin untuk membincangkan isu itu.

Dr Mahathir ketika merasmikan sidang kemuncak ketujuh G15 Isnin lalu menggesa supaya diadakan kawal seliaan terhadap perdagangan mata wang.

Para pemimpin itu juga mengeluarkan satu kenyataan khas mengenai krisis mata wang dengan menggesa Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia supaya mengkaji perkembangan baru-baru ini dalam pasaran mata wang ke arah mengawal selia dan menjadikannya lebih terbuka dan telus.

Mereka juga menugaskan menteri kewangan dan gabenor bank pusat masing-masing supaya mengkaji perkara itu dan membuat syor yang sewajarnya.

Terdahulu, Dr Mahathir menerima kunjungan Naib Presiden India Krishan Kant dan Menteri Luar Senegal Moustapha Niasse di bilik hotelnya. --

BERNAMA

ZAB ARA AKD